

KESATUAN KAKITANGAN AM INTERNATIONAL ISLAMIC UNIVERSITY (KURNIA)

(<http://www.iiu.edu.my/kurnia>)

Media KURNIA

KURNIA MEMBELA NASIB PEKERJA

Warga UIAM diminta tidak pentingkan diri sendiri

Hasil tuntutan KURNIA :-

Mulai 1/1/2007, pesara UIAM dan suami/isteri dibenarkan mendapat rawatan percuma di hospital Kerajaan melalui MSD Service Circular No. 5/2007.

Mulai 1/1/2007, warga UIAM kini mendapat kemudahan gratuity persaraan seperti yang dinikmati oleh kakitangan Kerajaan melalui MSD Service Circular No. 6/2007.

Semua Kakitangan Kerajaan/IPTA yang lain (kecuali UIAM) menerima kemudahan gratuity (lump sum) dan pencen bulanan apabila bersara.

Kemudahan Persaraan Kakitangan UIAM

Sebelum Tuntutan Kesatuan	Selepas Tuntutan Kesatuan (bermula 1/1/07)
1. KWSP	1. KWSP
2. Retirement Benefit Fund for IIUM	2. Retirement Benefit Fund for IIUM
3. Tiada	3. Kemudahan perubatan percuma di hospital kerajaan bagi pesara UIAM dan pasangan
4. Tiada	4. Gratuity persaraan (lump sum)

Tuntutan terkini KURNIA: Pencen bulanan selepas bersara

Kemudahan mendapat **pencen bulanan seumur hidup** selepas bersara seperti yang dinikmati oleh kakitangan IPTA yang lain. Ini adalah untuk menjamin masa depan warga UIAM berbanding skim KWSP yang hanya boleh bertahan selama 5-10 tahun selepas bersara. Lagipun, pencen boleh diturunkan kepada suami/isteri apabila pesara meninggal dunia. Permohonan pencen warga UIAM oleh KURNIA telah dibawa kepada Presiden UIAM merangkap Ketua Setiausaha Negara. Oleh itu, tunjukkan sokongan anda kepada tuntutan pencen yang sedang diperjuangkan dengan menjadi **ahli** KURNIA.

Taklimat bersama Tn. Hj. Omar Osman, Presiden CUEPACS di UIAM pada 20/2/09

1. CUEPACS akan membawa tuntutan pencen warga UIAM kepada pihak kerajaan.
2. Bagaimanapun tuntutan ini perlu mendapat sokongan warga UIAM. Dalam masa yang sama CUEPACS meminta keahlian KURNIA ditambah dari 50 % kepada 80% menjelang 31/3/2009 oleh kerana pihak pengurusan MSD,UIAM mengatakan kita tidak mendapat dokongan kakitangan kumpulan sokongan (kategori 1 - 40) yang mencukupi. Kita perlu membuktikan dengan menambah ahli.

Agenda utama KURNIA ialah membawa masalah pekerja ke pengetahuan pihak pengurusan. Antara masalah tertangguh dengan pihak pengurusan ialah semakan tuntutan kerja lebih masa, semakan tarikh mula pemberian gratuiti persaraan, pertukaran jawatan Pembantu Makmal kepada Penolong Pegawai Sains mengikut surat pekeliling JPA dan lain-lain.

Ahli-ahli diminta berhubung dengan KURNIA jika ada sebarang masalah pekerja.

Apa saja tuntutan boleh berjaya jika kita bersatu hati demi masa depan kita bersama. Siapa yang kita harapkan untuk membela nasib kita kalau bukan diri kita sendiri.

‘PENGGERAK MATLAMAT’